

13 OCT 2000

Daim (Analisis berita)

DASAR AWSJ UNTUK MENYERANG MEMBINGUNGKAN

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 13 Okt (Bernama) -- Kesungguhan akhbar atau majalah milik asing untuk menyerang dasar kerajaan Malaysia boleh dianggap membingungkan.

Contoh terbaru ialah The Asian Wall Street Journal (AWSJ), sebuah akhbar perniagaan serantau berpengaruh yang melaporkan pada Rabu bahawa satu arahan Kementerian Kewangan untuk merombak struktur pengurusan syarikat milik kerajaan, mendapat bantahan daripada kalangan birokrat terkemuka Malaysia.

Ia merujuk kepada arahan Kementerian Kewangan melarang pengurus kanan perbadanan atau agensi kerajaan daripada menjadi pengarah anak syarikat atau syarikat bersekutu badan induk masing-masing.

Apabila arahan itu dikeluarkan pada Mei, akhbar itu melaporkan bahawa berlaku perselisihan faham antara Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Perubahan dasar yang bakal mempunyai kesan jangka panjang mungkin mencetuskan perselisihan faham antara Perdana Menteri Mahathir Mohamad dan orang kepercayaannya, Menteri Kewangan Daim Zainuddin," kata AWSJ pada masa itu.

Kini, selepas lima bulan apa yang diura-urakan sebagai perselisihan faham Mahathir-Daim itu tidak berlaku, sekaligus membuktikan ASWJ tersilap, akhbar itu menerbitkan semula berita yang sama dengan mengatakan inisiatif Daim itu gagal selepas pegawai-pegawai kanan kerajaan mengadu kepada Dr Mahathir.

Dasar AWSJ ialah menggalakkan demokrasi ala-Barat dan kebebasan bersuara, selain membidas negara atau kerajaan yang dianggapnya mengamalkan rasuah atau tidak cekap.

Ia juga mahu melihat ketelusan dan pengurusan korporat yang baik khususnya dalam urusan dengan pelabur asing.

Akhbar itu menyatakan pendiriannya dalam lidah pengarang selain rencananya dan kadangkala ia memberi "petunjuk" tentang kerajaan Asia mana perlu dijatuhkan kerana menganggapnya mengamalkan rasuah dan tidak cekap.

Berdasarkan standard tingginya tentang bagaimana kerajaan-kerajaan Asia harus ditadbir, beberapa pegawai kanan Malaysia yang dihubungi oleh Bernama bingung dengan kesungguhan ASWJ untuk memperlekehkan satu langkah kerajaan Malaysia untuk menjamin ketelusan dan pengurusan korporat yang baik.

"Sekalipun kita tidak mengharapkan The Asian Wall Street Journal untuk memuji Malaysia, kita hairan kenapa ia tidak henti-henti membidas negara ini yang cuba meningkatkan ketelusan, akauntabiliti dan pengurusan korporat," kata seorang pegawai kanan.

Pegawai-pegawai itu berkata bahawa rasional rombakan struktur pengurusan syarikat milik kerajaan amat jelas -- untuk mengelak pengurus-pengurus kanan daripada menduduki terlalu banyak kerusi pengarah sehingga mereka tidak dapat memberi tumpuan.

Menurut pegawai-pegawai itu, Kementerian Kewangan mengeluarkan arahan itu sebagai memenuhi keperluan ekonomi moden yang mengutamakan akauntabiliti, ketelusan dan pengurusan korporat.

"Pasaran mahukan ini. Malahan ASWJ sering menulis tentang ini. Tetapi kenapa membidas Malaysia kerana melakukannya. Ia terbukti mengamalkan pilih kasih," kata seorang pegawai.

Pegawai-pegawai berkata bahawa sejak arahan itu dikeluarkan pada Mei, kerajaan bersetuju melonggarkannya sedikit dengan membenarkan pengurus-pengurus kanan syarikat-syarikat penting menduduki tidak lebih

daripada lima anak syarikat dalam badan induk masing-masing.

Syarikat-syarikat ini terdiri daripada Petroliam Nasional Bhd (Petronas), Telekom Malaysia Bhd dan Tenaga Nasional Bhd.

Laporan ASWJ itu memetik beberapa pegawai kanan kerajaan sebagai berkata arahan itu menimbulkan "ketandusan pengurusan" dalam beberapa perbadanan dan agensi penting milik kerajaan.

"Ini merupakan satu penilaian yang tidak masuk akal tentang Malaysia. Kita mempunyai banyak pengurus berkemampuan. Cuma yang lain tidak diberi peluang kerana terlalu banyak kerusi pengarah dikuasai oleh seseorang," kata seorang pegawai kanan.

Sebagai contoh, beliau menyebut bagaimana seorang eksekutif kanan yang menjadi pengerusi 13 anak syarikat sebuah syarikat induk, mempunyai terlalu banyak kuasa.

Pegawai-pegawai juga tidak senang dengan andaian dalam laporan ASWJ pada Rabu lepas itu bahawa dasar baru itu boleh menjadi alat bagi Daim meluaskan naungan dan mengukuhkan kedudukannya dalam Umno.

"Ini satu rumusan tidak masuk akal oleh sebuah akhbar yang mendakwa kononnya ia tahu tentang rantau ini. Mana-mana anggota Umno yang mahu menjadi pemimpin perlu bertanding dalam pemilihan parti itu.

"Semua orang tahu bahawa Tun Daim tidak pernah bertanding jawatan ketua bahagian dalam Umno. Malahan jawatan Bendahari Umno yang dipegangnya adalah satu lantikan," kata seorang pembantu Daim.

Beliau berkata: "Bukan satu rahsia bahawa Tun Daim adalah seorang ahli politik yang tidak berhasrat merebut jawatan tinggi. Beliau pernah meletak jawatan sebagai Menteri Kewangan sebelum menyertai semula kabinet, itupun kerana perdana menteri masih perlukan khidmatnya."

Pembantu itu berkata Daim adalah seorang menteri yang tidak menghadiri majlis sosial bersama golongan birokrat terkemuka di negara ini, dan dengan itu, tidak mungkin beliau meletakkan wakil-wakilnya mengisi jawatan-jawatan yang baru diwujudkan di semua agensi dan syarikat seperti yang disebut oleh AWSJ.

"Akhbar ini sungguh tidak berhati perut," katanya.

-- BERNAMA

AU AU MAI